

SKOP JAMINAN

Motosikal yang didaftarkan **pada 1hb Julai 2019** dan berikutnya berhak menerima jaminan untuk **2 tahun atau 20,000km**. Bateri dan tayar diberi jaminan untuk tempoh 5,000KM atau 6 bulan yang mana terdahulu dari tarikh pembelian.

All Models (BRAND YAMAHA) dipasang di HONG LEONG YAMAHA MOTOR.	
Bagi 2 tahun atau 20,000km yang mana dahulu dari tarikh pendaftaran	
Sah (Jika)	Tidak diterima (Jika)
Motosikal diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan dan dilakukan di pengedar sah Yamaha sahaja	Melibatkan komponen haus lusuh dan kegunaan servis berkala.
Hanya menggunakan alat ganti tulen dan minyak pelincir YAMALUBE dalam tempoh jaminan	Motosikal yang digunakan terlibat dalam kemalangan atau tujuan lain.
Merupakan kesilapan pengeluaran	Pembaikan yang melibatkan penyelenggaraan berkala
Motosikal dalam keadaan standard (Tanpa modifikasi)	Kenderaan digunakan untuk tujuan komersial
Dilampirkan bukti penyelenggaraan di Pengedar sah Yamaha bersama resit/ invois cukai yang asal semasa membuat tuntutan jaminan	Kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan bukan di Pengedar sah Yamaha

POLISI JAMINAN

Sila berhubung dengan Pengedar Sah Yamaha yang berhampiran jika kenderaan anda ingin melakukan servis dan membuat tuntutan jaminan. Anda disarankan untuk membaca kandungan buku Jaminan & Kupon Servis dengan teliti sebelum menghubungi Pengedar Sah Yamaha kami untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

Bagi tujuan penukaran komponen dan kerja baik pulih akan diterima jika:

- ❖ Pelanggan melakukan servis dan penyelenggaraan mengikut jadual yang dicadangkan (Sila rujuk kepada Owner's Manual) dan hanya menggunakan alat ganti Yamaha yang tulen (Contoh: minyak pelincir YAMALUBE).
- ❖ Pelanggan harus memastikan motosikal segera dibawa ke Pengedar Sah Yamaha jika terdapat masalah. Sebarang kos bagi menghantar motosikal ke Pengedar Sah Yamaha akan ditanggung oleh pelanggan.
- ❖ Pelanggan wajib menunjukkan rekod servis di dalam buku Jaminan & Kupon Servis bagi tujuan pengesahan. Pihak Yamaha berhak untuk menolak tuntutan jaminan jika anda gagal menunjukkan rekod penyelenggaraan atau rekod penyelenggaraan tidak lengkap.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Hong Leong Yamaha Sdn. Bhd, jumlah liabiliti bagi tuntutan jaminan adalah terhad bagi kos alat ganti sahaja.

